

**PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DARI  
ASPEK SEJARAH DI GEORGE TOWN,  
PULAU PINANG**

**MOHD QAWIEN BIN MOOTAR**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2019**

**PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DARI  
ASPEK SEJARAH DI GEORGE TOWN,  
PULAU PINANG**

**oleh**

**MOHD QAWIEN BIN MOOTAR**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sains**

**March 2019**

## **PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t dengan segala rahmat dan hidayahnya kerana tesis ini berjaya dapat disempurnakan. Ucapan terima kasih kepada Universiti Sains Malaysia di atas peluang dan kepercayaan yang diberikan kepada penyelidik untuk meneruskan pengajian ini. Sepanjang tempoh pengajian ini, penyelidik ingin menyampaikan jutaan terima kasih di atas kesabaran, bimbingan dan tunjuk ajar daripada penyelia utama iaitu Prof. Dr. A. Ghafar Ahmad. Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan perancangan kerana secara tidak langsung membantu penyelidik menyiapkan tesis ini dengan jayanya. Di samping itu terima kasih kepada keluarga penyelidik iaitu Mootar Bin Lazim dan Rebasah Binti Esa kerana semangat dan dorongan yang tidak putus-putus diberikan. Terima kasih juga kepada isteri penyelidik iaitu Nur Fariza Baharudin kerana membantu secara teknikal bagi menjayakan penulisan tesis ini. Ribuan terima kasih juga kepada Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang kerana memberi kerjasama semasa kutipan data. Akhir sekali, terima kasih dirakamkan untuk semua pihak yang tidak disebutkan atau terlepas pandang namanya di sini kerana membantu penyelidik menjayakan tesis ini.

## ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI MODEL	viii
SENARAI GAMBAR	ix
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
<b>BAB 1        PENGENALAN KAJIAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan masalah	3
1.3 Objektif kajian	4
1.4 Skop kajian	4
1.5 Soalan kajian	5
1.6 Metodologi kajian	6
1.7 Hasil Kajian	7
1.8 Struktur tesis	8
<b>BAB 2        SOROTAN ILMIAH</b>	
2.1 Pengenalan	9

2.2 Pemuliharaan bangunan warisan	10
2.3 Pemuliharaan bangunan warisan dari aspek sejarah	22
2.4 Peringkat antarabangsa	30
2.5 Peringkat kebangsaan	32
2.6 Peranan sejarah dalam perundangan pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia	34
2.7 Rumusan	40

### **BAB 3           METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pengenalan	41
3.2 Kaedah penyelidikan kualitatif	43
3.3 Kaedah kajian	45
3.3.1 Sumber primer	45
3.3.2 Sumber sekunder	46
3.4 Proses kajian	50
3.5 Pengumpulan dan analisis data	51
3.6 Rumusan	54

### **BAB 4           KAJIAN KES 1 : KOTA CORNWALLIS**

4.1 Pengenalan	55
4.2 Kajian kes 1 : Kota Cornwallis, George Town, Pulau Pinang	56
4.2.1 Latar belakang	57

4.2.2 Fungsi dan peristiwa	58
4.2.3 Kerosakan dan pembaikpulih Kota Cornwallis	60
4.2.4 Peranan sejarah dalam pemuliharaan Kota Cornwallis	75
4.2.5 Rumusan	79
<b>BAB 5</b>	<b>KAJIAN KES 2 : RUMAH TEH BUNGA</b>
5.1 Pengenalan	81
5.2 Latar belakang	82
5.3 Kerosakan bangunan	83
5.4 Peranan sejarah dalam pemuliharaan Rumah Teh Bunga	92
5.5 Rumusan	99
<b>BAB 6</b>	<b>KAJIAN KES 3 : PEJABAT WARISAN DUNIA GEORGE TOWN</b>
6.1 Pengenalan	101
6.2 Latar belakang	102
6.3 Kerosakan bangunan	104
6.4 Peranan sejarah dalam pemuliharaan Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	118
6.5 Rumusan	127
<b>BAB 7</b>	<b>ANALISIS DAN PENEMUAN</b>
7.1 Pengenalan	129
7.2 Analisis kajian	130
7.3 Kerosakan bangunan	131

7.4 Faktor-faktor kerosakan	135
7.5 Penemuan terhadap kajian kes	138
7.5.1 Pembinaan baharu	138
7.5.2 Garis panduan pemuliharaan bangunan	140
7.5.3 Penemuan budaya	141
7.5.4 Aspek sejarah dalam pemuliharaan	142
7.6 Penyelesaian kepada masalah kajian kes	146
7.7 Rumusan	148
<b>BAB 8</b>	<b>KESIMPULAN</b>
8.1 Pengenalan	149
8.2 Hasil Kajian	150
8.3 Cadangan untuk kajian masa hadapan	154
<b>BIBLIOGRAFI</b>	<b>157</b>

## SENARAI JADUAL

		<b>Halaman</b>
Jadual 2.2.1	Sorotan ilmiah mengenai bangunan warisan	11
Jadual 2.2.2	Sorotan ilmiah mengenai pemuliharaan bangunan warisan	15
Jadual 2.2.3	Sorotan ilmiah definisi pemuliharaan bangunan warisan	17
Jadual 2.2.4	Sorotan ilmiah konsep pemuliharaan bangunan warisan	18
Jadual 2.2.5	Garis panduan pemuliharaan bangunan warisan	20
Jadual 2.3.1	Penglibatan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan	27
Jadual 3.5.1	Kaedah penyelidikan	52
Jadual 3.5.2	Proses pemuliharaan bangunan warisan	53
Jadual 7.3.1	Jenis-jenis kerosakan	133



## SENARAI MODEL

	<b>Halaman</b>
Model 3.4.1      Carta aliran metodologi penyelidikan	51

## SENARAI GAMBAR

		<b>Halaman</b>
Foto 3.1	Peta kawasan kajian kes	49
Foto 4.1	Pelan Kota Cornwallis	58
Foto 4.2	Keretakan kasar pada lantai kota	62
Foto 4.3	Keadaan lantai selepas pemuliharaan	63
Foto 4.4	Dinding condong pada bahagian utara kota	63
Foto 4.5	Dinding condong yang sudah siap dipulihara	63
Foto 4.6	Tembok runtuh di bahagian timur kota	64
Foto 4.7	Tembok runtuh telah siap dipulihara	64
Foto 4.8	Dinding tembok digridkan dengan petak 1meter x 1meter	65
Foto 4.9	Mengambil gambar permukaan dinding tembok	66
Foto 4.10	Dokumentasi yang digunakan untuk merekod kerosakan	66
Foto 4.11	Kerja-kerja merekod pada permukaan dinding kota	67
Foto 4.12	Dinding tembok Kota Cornwallis dibina dengan dua lapis dinding	68
Foto 4.13	Dinding tembok yang retak dan condong di utara kota	69
Foto 4.14	Dinding yang retak dan condong telah dipulihara	69
Foto 4.15	Permukaan tembok yang mengalami hakisan lepaan	70
Foto 4.16	Tumbuhan yang tumbuh di celah rekahan dinding	71
Foto 4.17	Membasahkan permukaan dinding dengan pancutan air bertekanan rendah	72
Foto 4.18	Kerja-kerja mencuci kepingan genting	73

Foto 4.19	Memateri jeriji besi yang reput	74
Foto 4.20	Melepa lantai atas bilik penjara	75
Foto 4.21	Gambar lama 1928 digunakan sebagai rujukan pemuliharaan kota	78
Foto 4.22	Gambar lama 1920an sebagai rujukan pemuliharaan kota	79
Foto 4.23	Pintu gerbang selepas pemuliharaan	79
Foto 5.24	Rumah Teh Bunga	82
Foto 5.25	Zon kerja pemuliharaan Rumah Teh Bunga	84
Foto 5.26	Serangan garam di dinding Rumah Teh Bunga	85
Foto 5.27	Dinding rumah akibat serangan garam	85
Foto 5.28	Dinding yang rosak akibat serangan garam	87
Foto 5.29	Lepaan Westox digunakan bagi mengganti lepaan Rumah Teh Bunga	88
Foto 5.30	Dinding yang disuntik bahan kimia	88
Foto 5.31	Kerja-kerja membuka lapisan <i>cocoon</i>	89
Foto 5.32	Kerja-kerja menggerudi lubang yang dijalankan	90
Foto 5.33	Kerja-kerja plaster dinding dijalankan	90
Foto 5.34	Lokasi najis burung di bucu dinding Rumah Teh Bunga	91
Foto 5.35	Kerja-kerja mengecat lapisan <i>undercoat</i> dijalankan	92
Foto 5.36	Kaedah dalam proses mengenalpasti warna cat	94
Foto 5.37	Kerja-kerja pengambilan bacaan kelembapan menggunakan protimeter	95
Foto 5.38	Sampel plaster dinding Rumah Teh Bunga	96

Foto 5.39	Kajian kekuatan bahan menggunakan <i>Rebound Hammer Test</i>	97
Foto 5.40	<i>Bird Control Spike</i> dipasang pada bahagian <i>cornice</i> rumah	98
Foto 5.41	Kerja-kerja memasang <i>bird netting</i> dijalankan	98
Foto 5.42	Keadaan longkang yang tidak teratur	99
Foto 6.43	Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	102
Foto 6.44	Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang yang terbakar sekitar tahun 1995	103
Foto 6.45	Gaya <i>straits eclectic</i> di dinding dan tingkap Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	103
Foto 6.46	Bumbung Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	105
Foto 6.47	Siling di bahagian luar Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	106
Foto 6.48	Dinding di bahagian belakang Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	107
Foto 6.49	Pintu di bahagian setor bangunan atas Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	108
Foto 6.50	Tiang yang mengalami masalah kerosakan	109
Foto 6.51	Kerosakan lantai aras satu dan lantai bawah akibat geseran	110
Foto 6.52	Tangga di bahagian aras satu Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	111
Foto 6.53	Perlindungan kawasan kerja di bahagian bawah	112
Foto 6.54	<i>Salt Desalination</i> di bahagian dinding aras bawah Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	113
Foto 6.55	Kelembapan menaik di bahagian dinding luar Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	114
Foto 6.56	Lepaan kapur pada dinding aras bawah	115

Foto 6.57	Tingkap aras bawah bangunan Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	116
Foto 6.58	Jubin lama digantikan dengan jubin kalis lembab	117
Foto 6.59	<i>Bird spike</i> dipasang pada bahagian tiang bangunan	118
Foto 6.60	Kajian spesis kayu dilakukan pada bahagian tangga	120
Foto 6.61	Skema warna pada dinding Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	121
Foto 6.62	Kelembapan yang berlaku pada lantai dan dinding Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	122
Foto 6.63	Bumbung tambahan pada tingkap Pejabat Warisan Dunia George Town Pulau Pinang	123
Foto 6.64	Kehadiran burung merpati di bahagian tingkap dan tiang bangunan	124
Foto 6.65	Tiang aras bawah bangunan	125
Foto 6.66	Bumbung <i>mock-up</i> yang dibina pada tingkap bawah	126
Foto 6.67	Cantuman bilik mandi dan tandas di aras satu	127

## Glosari

Komponen	~	Bahagian yang melengkap sejarah
Restorasi	~	Pemuliharaan kepada kedudukan yang asal
Kehomogenan	~	Bersifat harmoni dan sesuai
Monumen	~	Bangunan bersejarah
Kolonial	~	Penjajah
Konservator	~	Pemuliharaan
Takrif	~	Makna
Fabrik	~	Dinding bangunan
Eksplorasi	~	Melawat tapak kajian kes
Lepaan	~	Simen yang membaluti dinding

# **PEMULIHARAAN BANGUNAN WARISAN DARI ASPEK SEJARAH DI GEORGE TOWN, PULAU PINANG**

## **ABSTRAK**

Pemuliharaan bangunan warisan merupakan aktiviti merawat bangunan warisan yang mempunyai masalah kerosakan agar keaslian bangunan warisan terpelihara. Bangunan warisan yang dipulihara mestilah berteraskan garis panduan yang merupakan kaedah atau proses pemuliharaan bangunan secara sistematik. Aspek sejarah adalah penting dalam garis panduan kerana dapat menjaga keaslian bangunan warisan tersebut. Prinsip pendokumentasian dari aspek sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan adalah kurang kerana tidak banyak pendedahan mengenai pemuliharaan yang berteraskan sejarah. Justeru, bangunan warisan yang telah dipulihara kebanyakannya telah kehilangan keaslian serta penyalahgunaan fungsi bangunan tersebut. Penyelidikan ini menekankan peranan dan kepentingan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan. Aspek sejarah yang ditekankan adalah keaslian bangunan warisan tetap dipulihara walaupun sudah berkali berlaku proses pemuliharaan. Di samping itu, dapat memperbanyakkan komponen sejarah dan menghasilkan prinsip pendokumentasian dalam garis panduan pemuliharaan bangunan warisan. Banyak bangunan warisan yang dipulihara telah diubahsuai fungsinya daripada sebuah bangunan kepada menjadi muzium, hotel dan restoran. Penyelidikan yang dilakukan adalah bersifat kualitatif iaitu menggunakan sumber primer dan sekunder yang terdapat pada tiga kajian kes. Tiga buah kajian kes telah dipilih sebagai sampel kajian kes iaitu Kota Cornwallis, Rumah Teh Bunga dan Pejabat Warisan Dunia George Town.

Ketiga-tiga kajian kes ini dipilih kerana telah melalui proses pemuliharaan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan. Di samping itu, bangunan ini masih mengekalkan keasliannya dan terdapat penambahan struktur yang telah dirobuhkan. Penambahan ini adalah menggantikan bahagian struktur yang dirobuhkan dan mengembalikan kepada keadaan asal. Bangunan warisan ini dipulihara mengikut pada pelan asalnya. Pemuliharaan pada struktur bangunan yang rosak dan menggantikan dengan bahan tersebut dengan bahan yang asli. Pemuliharaan bangunan dari aspek sejarah ini telah didokumentasikan agar kaedah dan proses pemuliharaan ini dapat dijadikan rujukan. Proses pemuliharaan bangunan warisan perlu mengikut piawaian sejarah yang telah ditetapkan iaitu pemuliharaan bangunan warisan perlu mengikut keadaan asal seperti sebelum berlakunya kerosakan. Pemuliharaan bangunan warisan ini dapat mengekalkan identiti, keaslian, suai guna dan budaya masyarakat setempat. Pemuliharaan ini bertujuan menjadi contoh kepada pemuliharaan bangunan warisan yang lain kerana pemuliharaan bangunan kajian kes telah mengikut garis panduan yang telah disediakan dengan jayanya.



# **CONSERVATION OF HERITAGE BUILDING FROM HISTORICAL ASPECTS IN GEORGE TOWN PULAU PINANG**

## **ABSTRACT**

Conservation of the heritage buildings is the activity of treating the buildings that have damage problems in order to preserve the heritage buildings. In order to conserve heritage buildings, it must be based on the guidelines that are processed in a systematic way. Historical aspect is important in the guidelines as it can maintain the authenticity of the heritage buildings. The principle of documentation from historical aspect in the conservation of heritage buildings is lesser because of not much exposure on history-based conservation. Therefore, the heritage buildings that have already been preserved have mostly lost the authenticity and misused the building's function. This research emphasizes the role and importance of history in the conservation of heritage buildings. The first historical aspect is to conserve the authenticity of heritage buildings even though the process of conservation has taken place. Besides that, to increase the historical component and produce the principle of documentation in the guidelines of heritage buildings conservation. Most of the conserved heritage buildings have been renovated into their original function from a building to museums, hotels and restaurants. A research done is based on qualitative which are from primary and secondary sources that can be obtained in three case studies. Three case studies were selected as the sample of case study is Kota Cornwallis, Rumah Teh Bunga and Pejabat Warisan Dunia George Town. This building was selected because it has undergone the conservation process according to the set

guidelines. Besides that, this building still maintained the authenticity and have additional structure that have been demolished. The addition is to replace the demolished structure parts and return it to the original state. The conserved of heritage building follow the original plan. Conservation on the damaged building structure made by replace it with the original materials. The building conservation based on historical aspect have been documented so that the method and process of conservation can be used as a reference. Conservation process on heritage buildings must follow the set of historical standard which is the conserved heritage building must follow the original condition such as before the damaged occurred. The conservation of the building can maintained the identity, authenticity, adaptive and the culture of the local community. This process take place is to build an example of conservation to other heritage buildings because this study have follow the set guidelines successfully.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan**

Malaysia mempunyai bangunan warisan yang tidak ternilai harganya. Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645), bangunan warisan bererti suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung, yang disebabkan seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains (Jabatan Warisan Negara, 2005). Bandar Melaka, George Town, Taiping, Kuala Lumpur dan bangunan warisan yang lain telah diberi nafas baru setelah diperbaiki untuk menarik tumpuan pelancong (A Ghafar Ahmad, 2006). Pihak swasta dan kerajaan memandang serius terhadap bangunan warisan setelah mengetahui potensi dan kepentingan bangunan warisan. Namun, pendekatan pemuliharaan bangunan warisan yang terletak di George Town, Pulau Pinang dan Melaka masih kurang mengamalkan prinsip dan kaedah pemuliharaan yang betul seperti yang dipraktikkan di negara lain (Mukram Idris, 2005). Di Malaysia, bangunan warisan yang terbiar perlu dipulihara kerana mempunyai nilai yang tinggi (Wendy Khadijah Moore, 2004). Menurut A Ghafar Ahmad (1997), bangunan warisan mencerminkan rasa sentiviti akan masa dahulu. Lima sebab mengapa bangunan warisan perlu dipulihara:

- i. Kepentingan sejarah
- ii. Nilai seni bina
- iii. Industri pelancongan
- iv. Pendidikan

v. Pembentukan minda

Definisi pemuliharaan dalam Piagam Burra *The ICOMOS Charter of the Conservation of Places of Cultural Significance with Associated Guidelines and Code on the Ethics of Co-existence* (ICOMOS, 1999), merupakan proses memulihara bangunan warisan agar kepentingan kebudayaan dan keaslian dapat dikekalkan. Prosesnya merangkumi pembinaan semula serta adaptasi, restorasi dan pemulihan. Di samping itu, Earl (2003) dan Burden (2004) mendefinisikan pemuliharaan sebagai pengurusan sesebuah bangunan daripada terabai, teraniaya, musnah dan reput. Pemuliharaan merupakan kerja-kerja merekod sejarah bangunan serta mengenal pasti tindakan yang perlu dilakukan (Metcalf dan Thompson ed, 1998, Mansfield, 2004). Fielden (1999) mendefinisikan pemuliharaan sebagai langkah mengelakkan kereputan. Pemuliharaan bangunan warisan dapat memanjangkan hayat warisan budaya dan semula jadi.

Pengiktirafan George Town dan Melaka sebagai Tapak Warisan Dunia oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Budaya pada 7hb Julai 2008 (Jabatan Warisan Negara, 2008). Pengiktirafan ini telah membuatkan masyarakat sedar akan kepentingan pemuliharaan bangunan warisan. Pemuliharaan bangunan warisan dengan skala yang besar dapat menyelamatkan bangunan warisan daripada diancam kemusnahan (Cohen, 2001, Greffe, 2004, Leask dan Fyall, 2006). Pemuliharaan merupakan satu langkah yang bijak dalam memastikan bangunan warisan dijaga, diubahfungsi dan digunakan dengan sebaiknya. Hal ini, sebagai langkah mempertahankan khazanah warisan agar tidak runtuh akibat kerosakan.

Pemuliharaan adalah satu usaha atau kaedah yang murni untuk memulihara dan memberi nafas yang baharu kepada bangunan warisan (A Ghafar Ahmad dan Nurwati Badarulzaman, 2001). Bagi menjamin pemuliharaan dilakukan dengan baik, kaedah pemuliharaan haruslah bertepatan dengan garis panduan (Cheong, 2001, A Ghafar Ahmad, 2003). Kerja pemuliharaan melibatkan kerja-kerja seperti pengukuhan, pengekalan, pembaikan, pengubahsuaian dan penyesuaigunaan (Australia ICOMOS, 2002). Menurut Mohd Yusof Ismail (2003) pemuliharaan bangunan warisan

meliputi kerja-kerja mengubah fungsi bangunan kepada penggunaan yang baharu serta meninggalkan fungsi yang lama. Pengubahsuaian dilakukan kerana fungsi bangunan yang lama sudah tidak digunakan (Desbrisay, 2007)

Bangunan warisan yang mempunyai nilai seni bina yang menarik dan bukti sejarah yang kekal berpunca daripada pemuliharaan bangunan warisan yang berjaya (A Ghafar Ahmad, 1997). Kerosakan bangunan warisan dapat dilindungi dengan kaedah pemuliharaan yang sistematik yang berpadukan garis panduan yang betul (Atkinson, 2000, Cantell, 2005, Ashurst, 2006). Generasi akan datang tidak lagi dapat melihat bangunan warisan serta sejarahnya apabila bangunan warisan telah musnah (Chudley, 1981, Ashworth dan Larkham, 1994, Cox, 2009). Menurut Austin (1998) dan Burke (2007) pemuliharaan merupakan projek bagi memulihara dan menjaga bangunan warisan yang banyak memberi manfaat kepada masyarakat.

## **1.2 Kenyataan masalah**

Sejarah merupakan peristiwa yang berlaku 100 tahun yang lampau (Siti Nor Fatima, 2014). Bangunan yang berusia 50 tahun ke atas boleh diwartakan sebagai bangunan warisan kerana faktor usia dan peristiwanya. Bangunan warisan yang berusia 50 tahun ke atas perlu diberi penekanan dan tumpuan yang khusus kerana kerosakan sesuatu struktur bangunan berdasarkan faktor usia dan keadaan sekeliling (Jabatan Warisan Negara, 2008). Perhatian yang khusus dan langkah untuk menangani pemuliharaan bangunan warisan perlu dilakukan dengan segera oleh pihak yang bertanggungjawab dalam usaha pemuliharaan bangunan warisan. Pemuliharaan bangunan warisan dari aspek sejarah akan mengembalikan identiti bangunan dan persekitarannya. Dalam penyelidikan ini terdapat tiga isu dan masalah utama yang dihadapi oleh kebanyakan bangunan warisan di Malaysia iaitu:

- i. Aspek sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan tidak diperbanyakkan dalam garis panduan pemuliharaan bangunan warisan
- ii. Komponen sejarah dalam garis panduan yang tersedia bagi mengekalkan keaslian bangunan warisan adalah sedikit berbanding kaedah kerja-kerja pemuliharaan bangunan warisan
- iii. Prinsip pendokumentasian sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan sebagai rujukan perlulah diperbanyakkan pada masa yang akan datang

### **1.3 Objektif kajian**

Kajian ini membincangkan peranan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Pulau Pinang. Maka objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menggariskan peranan dan kepentingan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan
- ii. Memperbanyakkan komponen sejarah dalam garis panduan pemuliharaan bangunan warisan
- iii. Menghasilkan prinsip pendokumentasian sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan

### **1.4 Skop kajian**

Skop kajian merupakan usaha membantu penyelidik membezakan dan seterusnya memberi tumpuan yang khusus kepada subjek yang dianalisis agar penulisan tidak bertindih dengan yang lain (Naoum, 2001). Skop yang akan dikaji adalah menjaga kepentingan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan (Siti Norlizaiha, 2010). Merujuk kepada pernyataan isu dan masalah yang digariskan iaitu peranan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan yang telah

dipinggirkan dan dijadikan sebagai asas kepada pembentukan skop kajian ini. Skop kajian di bawah merupakan skop kajian yang belum pernah dianalisis oleh penyelidik yang lain serta disokong dengan kajian ilmiah yang telah dilakukan. Secara khususnya terdapat empat skop penyelidikan yang dikenal pasti seperti berikut:

- i. Bangunan warisan yang berada di George Town dan masih berfungsi sehingga sekarang
- ii. Proses pemuliharaan dari aspek sejarah yang telah dilakukan terhadap bangunan warisan
- iii. Bangunan warisan yang bercirikan sejarah
- iv. Bangunan warisan yang telah diwartakan oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)

### **1.5 Soalan kajian**

Soalan penyelidikan diwujudkan bagi membantu penulisan ini mencapai objektif yang telah ditetapkan. Soalan ini adalah bagi menyelesaikan permasalahan yang sering timbul semasa pemuliharaan bangunan dilakukan. Di samping itu, terdapat pelbagai proses pemuliharaan yang tidak mengikut spekulasi dan piawaian pemuliharaan bangunan warisan dari aspek sejarah. Piawaian sejarah atau garis panduan perlu diwujudkan bagi mengawal pemuliharaan bangunan warisan agar tidak terjejas rupa asal. Binaan asal merupakan bukti bagi sesebuah peristiwa sejarah. Walaupun terdapat pelbagai garis panduan yang telah diwujudkan oleh pihak yang berwajib tetapi pihak kontraktor gagal mematuhi garis panduan tersebut demi menjimatkan kos dan masa. Justeru, pemuliharaan bangunan warisan tidak bertahan lama dan tidak berkualiti. Soalan ini dihasilkan setelah pelbagai sorotan dari semua aspek pembacaan dihasilkan. Soalan penyelidikan yang berkaitan sejarah amat penting bagi menjayakan pemuliharaan bangunan warisan dari aspek sejarah.

- i. Mengapa bangunan warisan sejarah harus dipulihara?

- ii. Adakah bangunan warisan sejarah masih berfungsi hingga sekarang?
- iii. Apakah sejarah bangunan tersebut sehingga perlu dipulihara?
- iv. Tujuan membina dan memulihara bangunan warisan dari aspek sejarah?
- v. Di mana bangunan tersebut dibina serta kesan terhadap sejarah?
- vi. Bilakah bangunan warisan sejarah tersebut dibina?

## **1.6 Metodologi kajian**

Metodologi penyelidikan ini adalah bersifat kualitatif. Menurut Sabitha Marican (2010) kajian kes merupakan kajian yang menjelaskan kajian secara mendalam. Maklumat yang dikumpul mengenai bangunan yang dipulihara dijadikan sebagai fokus kajian. Semasa menjalankan analisis kajian ini beberapa kaedah kajian telah digunakan bagi mengumpul semua maklumat supaya kajian yang dijalankan menjadi komprehensif. Kaedah yang digunakan ialah kaedah penyelidikan kualitatif. Di samping itu, kaedah pemerhatian juga turut digunakan di dalam analisis kajian ini bagi mendapatkan maklumat secara bergambar. Sumber-sumber yang diperolehi adalah bersifat primer dan sekunder. Bahan-bahan primer telah di perolehi dari pelbagai sumber di antaranya Jabatan Warisan Negara dan negeri yang belum diolah lagi. Manakala, sumber sekunder pula diperolehi dari pelbagai sudut di antaranya perpustakaan, muzium, galeri, artikel dan sebagainya.

Selain daripada itu, contoh reka bentuk kajian juga diperolehi daripada media massa. Hal ini kerana sampel kajian kes yang diambil dari luar negara diperolehi daripada sumber internet. Pertama sekali, metodologi harus ditentukan dengan lebih awal agar digunakan sebagai hujah untuk menyangkal segala persoalan. Kaedah penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah dari aspek jangka masa penyelidikan, sampel penyelidikan dan gaya penyelidikan. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini mestilah selaras dengan objektif penyelidikan yang telah



ditetapkan. Penyelidikan ini berbentuk deskriptif yang merangkumi empat peringkat seperti berikut:

- i. Kajian kes ke atas kaedah dan proses kerja pemuliharaan
- ii. Bangunan warisan yang dipilih adalah berfungsi hingga sekarang
- iii. Bangunan yang telah diwartakan oleh Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) sebagai bangunan warisan
- iv. Bangunan warisan yang mempunyai nilai sejarah

### **1.7 Hasil kajian**

Bangunan warisan yang terdapat di Malaysia masih banyak yang belum dipulihara dengan baik. Hal ini kerana bangunan warisan mengalami masalah kerosakan pada tahap yang membimbangkan. Kerja-kerja pemuliharaan di Malaysia masih di peringkat permulaan dan tidak berkembang pesat. Isu dan masalah yang dihadapi oleh bangunan warisan di Malaysia perlu diberi perhatian yang serius kerana bangunan warisan diancam kepupusan akibat daripada masalah kerosakan yang berlaku. Selain itu, kerja pemuliharaan perlu membudayakan etika kerja pemuliharaan yang betul. Pendekatan yang harus diperkenalkan adalah kaedah kerja pemuliharaan yang berlandaskan kepada etika, falsafah dan prinsip pemuliharaan yang betul.

Melalui pendekatan ini secara tidak langsung ianya dapat membantu pihak kontraktor bangunan dan perunding pemuliharaan dalam usaha untuk pemuliharaan kerosakan bangunan yang sering berlaku terhadap bangunan warisan. Melalui penyelidikan ini, dapat mengenal pasti peranan dan kepentingan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan. Selain itu, melalui penyelidikan ini juga dapat mewujudkan kompenan garis panduan dari aspek sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan. Di samping itu, kajian ini akan mewujudkan prinsip pendokumentasian sejarah

dalam pemuliharaan bangunan warisan dan mencadangkan kaedah kerja pemuliharaan yang betul dalam usaha untuk pemuliharaan bangunan. Penyelidikan ini akan menyumbang dalam mengembangkan ilmu pengetahuan dan budaya berkaitan dengan bidang pemuliharaan bangunan warisan.

### **1.8 Struktur tesis**

Di dalam tesis ini terdapat lapan bab yang akan dibincangkan. Bab pertama membincangkan pengenalan kepada kajian iaitu di antaranya objektif dan masalah kajian yang dirungkai. Hasil kajian juga disertakan bagi memberi gambaran awal di akhir tesis. Bab yang seterusnya adalah bab dua iaitu sorotan ilmiah. Sumber-sumber mengenai bangunan warisan dikumpulkan dari pelbagai sudut untuk dianalisis bagi menjadi sorotan ilmiah untuk kajian ini. Bab yang ketiga pula adalah metodologi kajian iaitu pemilihan bagi rangka kajian. Metodologi kajian kualitatif telah dipilih bagi kajian ini. Bab yang keempat pula adalah kajian kes yang pertama iaitu Kota Cornwallis. Bab yang kelima adalah kajian kes yang kedua iaitu Rumah Teh Bunga. Manakala bab yang keenam pula adalah kajian kes yang ketiga iaitu Pejabat Warisan Dunia (UNESCO). Bab yang ketujuh membincangkan analisis kajian yang diperolehi dari kajian kes. Pelbagai jenis kerosakan direkodkan semasa pemuliharaan kajian kes. Kaedah pemuliharaan berunsur sejarah telah dimasukkan di dalam bab analisis ini. Akhir pada bab ini adalah kesimpulan iaitu akan merumuskan masalah yang dihadapi mengenai pemuliharaan bangunan warisan dari aspek sejarah di George Town, Pulau Pinang.

## **Bab 2**

### **SOROTAN ILMIAH**

#### **2.1 Pengenalan**

Sejarah merupakan satu peristiwa yang telah berlaku. Aspek sejarah perlu ada dalam proses pemuliharaan bangunan warisan bagi mengekalkan fungsi dan rupa bangunan warisan dalam bentuk asal. Hal ini kerana terdapat banyak bangunan warisan yang telah dipulihara dan diubah dari fungsi yang sebenar. Justeru, keaslian rupa bentuk dan fungsi bangunan warisan telah hilang ditukar dengan arus pemodenan. Peranan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan adalah memastikan bangunan warisan terpelihara dan boleh digunakan semula (Insall, 1972 dan Thaler, 2002). Pemuliharaan bangunan warisan merupakan kerja pemuliharaan ke atas bangunan untuk mengelak, memulihara dan melindungi kerosakan serta memanjangkan usia bangunan warisan berkenaan (Macdonald et al., 2007 dan Hutchins, 1982). Menurut Orbasli (2008) bangunan warisan adalah seni bina yang mempunyai nilai yang tinggi dan wajib dikekalkan.

Justeru, bangunan warisan wajar dipulihara kerana ia dapat memperlihatkan identiti kebangsaan sesuatu bandar di samping menjadi bukti sejarah ketamadunan yang pernah wujud. Sejarah tidak dapat dibuktikan dengan lisan sahaja tetapi ia harus dibuktikan dengan peninggalan bangunan warisan, cara hidup zaman lampau, adat resam dan budaya masyarakat setempat. Peranan sejarah dalam kerja pemuliharaan juga melibatkan kawasan bandar, penempatan, sekumpulan bangunan, istana, kota, monumen, artifak dan peninggalan tapak arkeologi. Di samping itu, pemuliharaan bangunan warisan melibatkan pemuliharaan landskap, warisan semula jadi dan identiti yang penting kepada sesuatu kumpulan masyarakat.

Di dalam bab ini terdapat definisi dan konsep sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan yang dibincangkan agar dapat difahami oleh semua pihak mengenai keseluruhan penglibatan sejarah di dalam pemuliharaan bangunan warisan. Selain itu, tafsiran sejarah dalam perundangan pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia juga diselitkan agar penyelidik yang seterusnya mengetahui perundangan yang melibatkan pemuliharaan bangunan warisan melalui disiplin sejarah. Bagi mendapat gambaran awal mengenai peranan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan, adalah bermula di peringkat antarabangsa. Peranan dan kepentingan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan juga disertakan bagi menunjukkan kepentingan aspek sejarah secara langsung di dalam pemuliharaan bangunan warisan. Di akhir bab ini, kajian ilmiah yang terdahulu dimasukkan bagi mendapat gambaran dan idea awal penyelidikan dijalankan bagi memenuhi kelompangan yang terdapat dalam pemuliharaan warisan. Kajian ini dijalankan agar penekanan yang lebih mendalam lagi mengenai penglibatan aspek sejarah di dalam pemuliharaan bangunan warisan agar bangunan warisan yang dipulihara tidak mengalami perubahan pada struktur yang asli. Hal ini kerana, bangunan warisan wajar dikekalkan di dalam bentuk keaslian seperti pada asalnya.

## **2.2 Pemuliharaan bangunan warisan**

Asal usul bangunan warisan dapat diperolehi dengan pengetahuan terhadap sejarah serta pendekatan berkaitan pemuliharaan. Sorotan ilmiah mengenai bangunan warisan disertakan di Jadual 2.2.1. Manakala kajian ilmiah mengenai pemuliharaan bangunan warisan disertakan di Jadual 2.2.2. Di samping itu, definisi pemuliharaan bangunan warisan disertakan di Jadual 2.2.3. Manakala bagi konsep pemuliharaan menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah keaslian dalam pemuliharaan warisan. Konsep pemuliharaan bangunan warisan disertakan di Jadual 2.2.4 berdasarkan kajian ilmiah. Aspek sejarah menentukan bangunan warisan tersebut mempunyai nilai sejarah yang bernilai atau tidak. Kepentingan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan

dapat mengekalkan identiti sesebuah bandar serta peristiwa yang berlaku. Sejarah yang ditinggalkan akan mewujudkan suasana yang suram bagi sesebuah bandar. Hal ini kerana sejarah berjalan seiring dengan peredaran masa.

Jadual 2.2.1: Sorotan ilmiah mengenai bangunan warisan

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Nama penyelidik</b>	<b>Sorotan ilmiah bangunan warisan</b>
1	1992	Melville dan Gordon, Highfield	Fungsi bangunan yang sering diubah adalah daripada sebuah pejabat menjadi rumah kediaman, bangunan industri diubah menjadi pusat pameran, rumah kedai dijadikan kafe, istana lama dijadikan muzium, pejabat dijadikan kafe, rumah agam dijadikan hotel dan sebagainya
2	2000	Fielden, B. M.	Apabila seseorang melihat sesebuah bangunan warisan, timbul perasaan kagum dan rasa ingin tahu dengan lebih terperinci mengenai bangsa dan budaya pembuat bangunan tersebut. Ini secara tidak langsung membuatkan sesebuah bangunan itu dihargai dan menjadi mercu tanda sesebuah bangsa dan negara
3	2003	Bullock, O.M.	Proses penjagaan warisan termasuklah penyelenggaraan yang merangkumi pemuliharaan, restorasi dan pembinaan semula serta adaptasi. Kebiasaannya ia adalah kombinasi diantara proses yang telah dinyatakan
4	2004	Mohamad Tajuddin, Mohamad roski et al.	Malaysia mempunyai banyak peninggalan bangunan warisan, namun masyarakat tidak menyedari akan

			<p>kewujudan bangunan-bangunan ini. Senario ini berlaku kerana kurangnya pendedahan oleh pihak bertanggungjawab tentang kepentingan bangunan warisan terutamanya bagi generasi akan datang</p>
5	2004	Rodwell, D.	<p>Warisan meliputi semua perilaku dan perbuatan yang boleh memanjangkan hayat warisan budaya dan warisan semula jadi yang akan dipertontonkan kepada mereka yang menghargai bangunan warisan dengan perasaan artistik dan ingin tahu</p>
6	2004	Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin et. Al.	<p>Usaha memulihara bangunan warisan telah mula dijalankan dengan serius sekitar 1980an. Namun kesedaran untuk memulihara warisan negara bermula dengan pertemuan barang-barang purba yang ditemui di seluruh pelusuk negara. Semenjak dari itu, orang ramai mula menyedari kepentingan memulihara bangunan warisan terutama yang bersejarah</p>
7	2004	Warren, J.	<p>Kepupusan bangunan warisan merupakan sesuatu yang amat merugikan. Antara warisan berharga yang mudah pupus dan perlu kita pulihara adalah bangunan warisan yang ada pada hari ini</p>
8	2004	Wendy Khadijah Moore	<p>Bangunan warisan yang terdapat di Malaysia perlu dipulihara dengan sebaik mungkin kerana ia mempunyai kepentingannya yang tersendiri</p>
9	2005	Jabatan Warisan Negara	<p>Bangunan warisan bermaksud suatu bangunan atau kumpulan bangunan yang berasingan atau bersambung,</p>

			yang disebabkan oleh seni binanya, kehomogenannya atau tempatnya dalam landskap, mempunyai nilai sejagat yang menonjol dari pandangan sejarah, seni atau sains
10	2005	Syed Ahmad Iskandar Syed Ariffin et. al.	Bangunan warisan sejarah dan kebudayaan merangkumi benda bersejarah, benda purba, monumen lama dan tapak bersejarah. Bangunan warisan merupakan peninggalan masa lalu yang mempunyai nilai penting bagi pemahaman dan pengembangan sejarah, ilmu pengetahuan serta kebudayaan dan kini merangkumi pelancongan. Bangunan warisan perlu dilindungi dan dipulihara demi memupuk kesedaran dan jati diri bangsa serta kepentingan nasional
11	2006	A Ghafar Ahmad	Banyak bangunan warisan telah mula dibaik pulih dan disuai guna untuk pelbagai tujuan antaranya untuk menarik tumpuan para pelancong seperti yang telah dan sedang dilakukan seperti Melaka, George Town, Taiping, Kuala Lumpur dan lain-lain lagi
12	2006	Perbadanan Muzium Melaka	Pengekalan warisan adalah kerja-kerja baik pulih monumen dan tapak bersejarah dengan menggunakan kaedah mengekalkan seni bina dan bahan binaan yang sama atau hampir sama dengan bahan asal
13	2007	Jabatan Warisan Negara	Kemusnahan bangunan warisan merupakan sesuatu yang amat merugikan kerana bangunan warisan tidak boleh diganti dengan sesuatu yang baru

14	2007	Robertson, J.H.	Bangunan warisan yang tidak dipulihara dengan baik akan menyebabkan kerosakan pada bangunan dan seterusnya menyebabkannya musnah
15	2008	Ahmad Sanusi Hassan et al.	Kebanyakan bangunan warisan telah disuai guna dan dijadikan bangunan yang sering menjadi tumpuan pelancong seperti muzium, balai seni lukis, hotel, kedai cenderamata dan kafe
16	2008	Orbasli, R.	Bangunan merangkumi proses memahami, menjaga dan yang paling penting menyelenggara, membaiki, memelihara dan menyesuaikan bangunan warisan bagi memelihara kesan kebudayaannya. Pemuliharaan adalah proses memahami, menjaga dan yang paling penting ialah menyelenggara, membaiki dan memelihara bangunan warisan bagi memelihara kesan kebudayaannya
9	2009	Wilson, R.	Warisan terdiri daripada dua kategori iaitu warisan ketara dan warisan tidak ketara. Bangunan warisan merupakan antara warisan yang dikategorikan sebagai warisan ketara kerana ia adalah sesuatu yang kekal dan boleh dipegang



Jadual 2.2.2 : Sorotan ilmiah mengenai pemuliharaan bangunan warisan

Bil	Tahun	Nama penyelidik	Sorotan ilmiah pemuliharaan bangunan warisan
1	1991	Chandler, I.	Pemuliharaan merupakan kaedah terbaik bagi memastikan sesebuah bangunan warisan itu terus terpelihara dan dapat digunakan untuk satu tempoh jangka masa yang panjang
2	1999	<i>International Council on Monument and Site (ICOMOS)</i>	Pemuliharaan bangunan warisan yang telah didefinisikan di dalam Piagam Burra ' <i>The Australia ICOMOS Charter for the Conservation of Places of Cultural Significance with Associated Guidelines and Code on the Ethics of Co-existence</i> ', adalah proses memulihara sesuatu tempat supaya kepentingan kebudayaan dapat dikekalkan
3	2000	Fielden, B. M.	Bagi menghalang kerosakkan bangunan, aspek pemuliharaan perlu dititik beratkan. Ia merangkumi semua langkah yang dapat memanjangkan hayat warisan budaya dan warisan semula jadi
4	2001	A Ghafar Ahmad dan Nurwati Badarulzaman	Proses pemuliharaan adalah melibatkan kerja-kerja pengekalan dan penjagaan bangunan secara sistematik demi menghargai khazanah warisan seni bina, sejarah dan budaya sedia ada
5	2002	Kincaid, D.	Ramai pihak bersetuju bahawa pemuliharaan bangunan warisan dapat memberi pembangunaan semula yang positif serta dapat menyelamatkan bangunan warisan yang ada daripada dirobohkan
6	2003	A Ghafar Ahmad	Galakkan perlu diberi bagi memastikan kerja pemuliharaan dilakukan dengan lebih produktif bagi memastikan

			bangunan warisan di Malaysia terus kekal digunakan dengan sebaiknya
7	2004	Mansfield, J.R.	Kerja pemuliharaan yang dilakukan termasuklah merekod sejarah bangunan dan mengenal pasti kerja pemuliharaan yang perlu dijalankan
8	2005	Akta Warisan Kebangsaan	Aktiviti yang melibatkan kesemua atau sebahagian luar dan dalam yang disesuaikan bagi suatu kegunaan yang berfungsi moden. Pemuliharaan termasuklah pemeliharaan, pembaikpulihan, pembinaan semula, pemulihan atau mana-mana gabungannya
9	2005	Mukram Idris	Pendekatan pemuliharaan bangunan warisan yang terletak di Tapak Warisan Dunia UNESCO Melaka dan George Town masih kurang diamalkan berlandaskan prinsip dan kaedah pemuliharaan yang betul seperti yang dipraktikkan dikebanyakkan negara lain
10	2006	A Ghafar Ahmad	Pencetus kepada perkembangan aktiviti pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia ialah melalui projek pemuliharaan Pasar Basah Kuala Lumpur pada 1986 yang telah berjaya memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan untuk membaik pulih dan mengubah suai fungsi asal sesebuah bangunan sehingga ia mampu meningkatkan industri pelancongan warisan negara
11	2006	Erne Hamsah	Kesedaran terhadap kepentingan pemuliharaan telah dikenal pasti bermula pada 1979 di Melaka

12	2008	Garner, K.	Pemuliharaan melibatkan kerja kerosakan elemen bangunan bagi memastikan ianya dapat kelihatan seperti bangunan yang asal
13	2009	Abdul Hakim Abdul Rahman	Usaha memulihara bangunan warisan daripada musnah telah dilaksanakan dalam skala yang lebih besar dan menyeluruh serta dalam pelbagai pendekatan yang berbeza dengan kerjasama dari pelbagai pihak yang serius menghargai warisan negara. Ia turut melibatkan pelbagai jenis dan kategori bangunan warisan
14	2009	Alon, G. and Amos F.	Bangunan warisan dapat menarik tumpuan lebih ramai pelancong berbanding bangunan baru dan moden. Bangunan warisan seringkali memberi pelancong pengalaman yang berbeza dari sebelumnya
15	2010	Ahmad Idrus et al.	Bangunan yang telah dipulihara perlulah diselenggara dengan bijak bagi memastikan bangunan tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik bagi jangka masa yang panjang

Jadual 2.2.3 : Sorotan ilmiah definisi pemuliharaan bangunan warisan

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Nama penyelidik</b>	<b>Definisi bangunan warisan</b>
1	1986	Jokilehto, J.	Bangunan warisan merupakan harta peninggalan atau harta pusaka
2	2004	Burden, E.	Pemuliharaan adalah pengurusan bangunan bagi mengelakkan sesebuah bangunan itu dari reput, musnah dan terabai

3	2006	Jabatan Muzium Malaysia	Pemuliharaan adalah usaha memulihara dan memelihara bangunan warisan dengan bijak dan sistematik supaya dapat dinikmati oleh generasi akan datang
4	2008	Orbasli, A.	Secara umumnya konsep pemuliharaan bangunan warisan ini amat sesuai dilakukan di kawasan tumpuan atau pusat pelancongan. Warisan melingkungi tapak arkeologi, monumen, istana kota, bangunan tradisi, sekumpulan bangunan, penempatan dan kawasan bandar
5	2009	Marmion, M.	Merupakan sesuatu yang diwarisi, sesuatu yang turun-temurun

Jadual 2.2.4 : Sorotan ilmiah konsep pemuliharaan bangunan warisan

<b>Bil</b>	<b>Tahun</b>	<b>Nama penyelidik</b>	<b>Sorotan ilmiah konsep pemuliharaan bangunan warisan</b>
1	1996	Ross, M.	Bangunan warisan adalah sebahagian daripada warisan berharga yang mempunyai sejarahnya tersendiri
2	1996	Tiesdell et al.	Pemulihan warisan termasuk warisan semula jadi, kawasan landskap yang penting dan nilai budaya yang bermakna
3	2000	Fielden, B. M.	Bangunan warisan sebagai sesebuah bangunan yang dapat memberikan kita perasaan kagum dan menjadikan kita ingin mengetahui lebih lanjut mengenai bangsa dan budaya yang menghasilkannya. Sesebuah bangunan itu boleh digelar sebagai bangunan warisan sekiranya ia mempunyai nilai seperti seni bina, estetik, sejarah, dokumentari, arkeologi, ekonomi, sosial, politik, rohani dan simbolik.

			Selain kesan yang paling utama iaitu perasaan emosi terhadap negara sesebuah budaya yang berterusan seterusnya menjadi sebahagian daripada warisan sesebuah negara
4	2008	Bridgwood et, al.	Pemuliharaan bangunan warisan telah diamalkan di negara-negara maju sejak berdekad lamanya

Konsep pemuliharaan masih kurang diamalkan terhadap bangunan warisan di Malaysia. Justeru itu, banyak bangunan warisan telah diubah suai dari fungsi yang sebenar bagi mengikut kepentingan sesebuah organisasi atau individu. Manakala definisi pemuliharaan bangunan warisan di antaranya merupakan aktiviti merawat sebuah bangunan sejarah daripada mengalami kerosakan yang berterusan. Pelbagai definisi mengenai pemuliharaan bangunan warisan yang ditafsir oleh penyelidik yang terdahulu.

Garis panduan pemuliharaan bangunan warisan disediakan untuk pelaksanaan pemuliharaan bangunan di Malaysia. Wujudnya garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan persekutuan bagi mengawal semua aktiviti dan kerja yang berkaitan dengan pemuliharaan bangunan warisan. Konsep pemuliharaan menurut garis panduan adalah keaslian bahan binaan, keaslian reka bentuk, keaslian kerja binaan dan keaslian tataletak (Jabatan Warisan Negara, 2016). Garis panduan pemuliharaan bangunan warisan disertakan di jadual 2.25.

Jadual 2.2.5 : Garis panduan pemuliharaan bangunan warisan

<b>Bil</b>	<b>Struktur</b>	<b>Keterangan</b>
1	Bumbung	Merekod dahulu binaan struktur bumbung serta jenis kayu  Tahap dan jenis kerosakan  Pembinaan bumbung sementara bagi melindungi bumbung asal  Pencegahan anai-anai jika bumbung jenis kayu
2	Dinding	Merekod keadaan dinding dan jenis kerosakan  Pemuliharaan dengan kaedah sesuai bagi mengurangkan gangguan  Penggantian batu bata yang rosak mesti sepadan  Fabrik tidak dirosakan semasa pemuliharaan
3	Siling	Peneguhan sementara sebelum kerja pemuliharaan  Siling yang rosak diganti dengan bahan yang sepadan
4	Lantai	Mengenalpasti kecacatan jenis kayu dan serangan anai-anai pada papan lantai  Kekuatan kayu mesti boleh menanggung beban  Penggantian kayu mesti sepadan dengan asal  Pemuliharaan perlu menggunakan kaedah tradisional  Perlindungan sementara semasa kerja pemuliharaan
5	Pintu dan tingkap	Melabel pintu dan tingkap yang rosak dalam pelan  Penggantian kayu yang rosak mesti dari jenis yang sama  Tampal rekahan, lubang dan permukaan tidak rata dengan bahan yang bersesuaian  Membalut pintu dan tingkap dengan plastik selepas dipulihara bagi mengelak kerosakan yang baru

6	Saluran paip air hujan dan talang	Merekod dahulu jenis paip Penggantian paip yang rosak mesti bersesuaian
7	Ragam hias	Direkodkan dengan mengambil foto Mengenalpasti kecacatan dan kerosakan lepaan Pencucian dilakukan dengan hati-hati Penggunaan bahan kimia dengan kadar yang minima bagi mengelak kerosakan fabrik bangunan Penggunaan bahan yang sama semasa kerja pemuliharaan
8	Cat	Mengikis cat dilakukan dengan cermat tanpa menjejaskan fabrik Kajian lapisan cat dilakukan bagi mengenalpasti warna asal Sebelum menyapu cat yang baru dinding mesti dibersihkan dan pemilihan cat mesti yang asal Pembersihan mesti menggunakan pencucian kering
9	Tangga	Mengekalkan tangga yang asal Menyiasat jenis kerosakan dan jenis kayu Penggantian kerosakan tangga mesti dari kayu yang asal Perlindungan keseluruhan tangga semasa kerja pemuliharaan
10	pendawaian elektrik	Dibenarkan tanpa merosakan dinding bangunan Pendawaian elektrik mesti disembunyikan dalam salur Merekod sebelum dan selepas pendawaian elektrik Pengujian keselamatan elektrik perlu dilakukan oleh pakar

(Jabatan Warisan Negara, 2016)

### **2.3 Pemuliharaan bangunan warisan dari aspek sejarah**

Menurut A Ghafar Ahmad (1997), pemuliharaan bangunan warisan disebabkan bagi menunjukkan rasa sentiviti pada masa lalu. Penglibatan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan adalah kurang. Hal ini kerana, aspek sejarah tidak dihuraikan secara terperinci. Aspek sejarah hanya merangkumi peristiwa sejarah yang berlaku pada bangunan warisan itu sahaja semasa proses pemuliharaan bangunan dijalankan. Aspek sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan adalah bagi melindungi bangunan warisan terus kekal tanpa diusik keasliannya. Tujuan pemuliharaan bangunan warisan dilakukan adalah sebagai bukti sejarah sesuatu peristiwa. Wujudnya pemuliharaan bangunan warisan kerana hayat bangunan warisan dapat dipanjangkan. Sejarah meliputi keseluruhan bangunan warisan tersebut. Berikut merupakan penglibatan sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan seperti berikut:

#### **i. Ilmu sejarah**

Seni bina bangunan warisan menggambarkan setiap perkembangan sejarah yang berlaku di sesebuah bandar dan negara yang mempunyai reka bentuk pengaruh kolonial dan menunjukkan bahawa negara pernah didatangi oleh kuasa barat seperti Inggeris, Belanda dan Portugis pada masa dahulu. Seni bina Tanah Melayu dipengaruhi oleh unsur-unsur luar disebabkan kemasukan pelbagai negara dan kaum. Negeri-negeri selat di Tanah Melayu merupakan pusat dagangan yang pesat dan terkenal ketika dahulu. Kesan kedatangan pedagang dan penjajah ke Tanah Melayu telah membawa bersama kesenian dan kebudayaan sehingga mempengaruhi seni bina bangunan di Tanah Melayu (A Ghafar Ahmad, 1994). Kepentingan ilmu sejarah merupakan tonggak utama dalam bangunan warisan kerana wujudnya bangunan warisan bersama sejarah atau peristiwa yang berlaku ke atas bangunan warisan tersebut.



## **ii. Nilai seni bina**

Menurut A Ghafar Ahmad (1994) seni bina barat seperti Gothic, New Gothic, New Classic, Tudor dan Moorish mempunyai bentuk seni bina yang tersendiri. Seni bina kolonial ini memperincikan pada bahagian menara, tiang, pintu, tingkap dan ruang dinding. Manakala, seni bina Melayu tradisional mempunyai reka bentuk berdasarkan seni bina tempatan dan luar seperti pengaruh nusantara. Ukiran pada bahagian pintu, tingkap, dan bumbung menggambarkan budaya masyarakat setempat. Identiti bangunan warisan yang terdapat di Malaysia harus dipelihara bagi menjaga identiti warisan tempatan (A Ghafar Ahmad, 1997). Seni bina warisan merupakan bukti kedatangan pengaruh luar ke Tanah Melayu. Justeru, nilai seni bina merupakan sejarah yang perlu dipelihara.

## **iii. Pendidikan**

Di dalam bangunan warisan terdapat warisan budaya dan sejarah yang unik dan telah menarik minat masyarakat umum. Di sebalik kewujudan sesebuah bangunan warisan terkandung pelbagai cerita dari aspek reka bentuk seni bina sesebuah bangunan warisan sehingga kepada sejarah yang terjadi sepanjang kewujudan bangunan tersebut. Kemusnahan bangunan warisan mampu diselamatkan dengan pemuliharaan bangunan dan kesan daripada pemuliharaan ini dapat memberi peluang kepada generasi muda mempelajari sejarah kehidupan manusia dan budaya masyarakat dengan melakukan kajian ke atas bangunan warisan yang masih ada. Sejarah yang terdapat pada sesebuah bangunan dapat dibuka kembali. Manakala bagi generasi muda yang berminat dengan pemuliharaan bangunan warisan, pertukangan dan seni bina akan memberi peluang kepada mereka untuk mempelajari asas seni bina dan pertukangan yang digunakan suatu ketika dulu (Raja Fuziah Raja Tun Uda, 1990). Kepentingan pendidikan dari aspek

sejarah adalah dapat membuka kembali lipatan sejarah yang terdapat pada bangunan warisan tersebut.

#### **iv. Pembentukan minda**

Di sebalik pemuliharaan sesebuah bangunan warisan akan terdapat pelbagai maklumat yang akan ditemui. Bangunan warisan dapat menjadi bukti sejarah untuk generasi muda mendalami subjek sejarah. Di samping itu, budaya sesebuah masyarakat setempat dapat dikenal pasti dengan kewujudan bangunan warisan serta dapat dilihat dari reka bentuk seni bina dan pelan lantai bangunan warisan tersebut. Generasi muda akan lebih sensitif dan menghargai budaya bangsa sendiri disebabkan kewujudan bukti melalui bangunan warisan (Jabatan Warisan Negara, 2009). Pembentukan minda merupakan aspek yang penting bagi menghargai sejarah di sesebuah negara.

Penglibatan aspek sejarah dalam pemuliharaan bangunan warisan akan mengekalkan identiti bangunan dan bandar tersebut. Penggunaan bahan-bahan pemuliharaan yang tidak asli akan membuatkan bangunan warisan tersebut tidak seperti asal. Di samping itu, bangunan warisan tersebut akan menjadi bangunan yang tiada daya tarikan kerana keasliannya telah hilang. Menurut Parnell (1987) dan Fielden (2000) *International Centre for Study on Preservation and Restoration Property* (ICCROM, 1982) menggariskan empat aspek sejarah yang perlu dipraktikkan agar pemuliharaan bangunan warisan berjaya dilakukan. Empat aspek sejarah adalah seperti berikut:

##### **i. Keaslian bahan binaan**

Menurut Assi (2000) dan Forster (2010) di dalam pemuliharaan perkara asas yang utama adalah *authenticity* atau keaslian. *International Meeting of Training in Architectural Conservation* (ICCROM, 1982) menekankan keaslian bahan binaan perlu diteliti sebelum digunakan agar keaslian bangunan warisan terpelihara. Keaslian sesuatu bahan binaan